

LATIHAN 3

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Siew Lan mengumpul wang _____ dapat membayar kos rombongan ke Terengganu.
A maka
B sambil
C supaya
D malahan
- 2 Pak Abu menyatakan _____ pokok-pokok pisang di kebunnya ditebang orang.
A maka
B supaya
C kerana
D bahawa
- 3 Orang kaya itu menghulurkan bantuan kepada jiran-jiran sekitarnya, _____ senang _____ susah.
A makin...makin
B baik...mahupun
C walaupun...namun
D daripada...lebih baik
- 4 Nama _____ disebutkan oleh guru disiplin pada pagi tadi ialah abang saya.
A lalu
B yang
C maka
D sambil

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Pandangan Danish amat dangkal,
A
tambahan pula disampaikan dengan cara yang
B C
tidak menarik. Tiada kesalahan.
D

- 6 Kanak-kanak tadika itu melompat-lompat
A B
sambil menyanyi. Tiada kesalahan.
C D

Soalan 7 – 8

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 7 Hadiah yang besar itu adalah untuk ayah dan ibu.
A ialah untuk ayah dan ibu
B ialah untuk ayah dan untuk ibu
C adalah untuk ayah dan untuk ibu
D adalah untuk ayah dan ibu
- 8 Adila amat gembira bila diberitahu yang dia telah mendapat tawaran ke asrama penuh.
A amat gembira sekali apabila diberitahu yang
B amat gembira apabila diberitahu bahawa
C amat gembira apabila diberitahu yang
D amat gembira bila diberitahu yang

Soalan 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 9 I Encik Hadi menyatakan yang anaknya tidak pernah ponteng sekolah.
II Murid yang pendiam itu sering dipuji oleh gurunya kerana rajin mengulang kaji pelajaran.
III Majalah yang dibeli oleh Faliq adalah untuk dihadiahkan kepada adiknya.
IV Basikal yang diletakkan di bawah pokok mangga itu kepunyaan Siva.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja